

Penggunaan e-learning dalam kalangan mahasiswa

MINDA PENDIDIK

Oleh Prof. Madya
Dr. Abdul Said Ambotang

VB 25.9.2019 15

DEFINISI e-learning atau electronic learning ini sering kali berubah-ubah selaras dengan kemajuan teknologi pada masa kini. Secara umumnya, e-learning adalah sebarang pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik (LAN, WAN atau Internet) untuk menyampaikan isi kandungan, interaksi atau pemu-daharaan. Intranet, satelit, tape audio atau video, TV interaktif dan CD ROM adalah sebahagian media elektronik yang dimaksudkan di dalam kategori ini.

Bahan pengajaran yang disampaikan melalui media ini mempunyai ciri-ciri multimedia seperti teks, grafik, animasi, simulasi, audio dan video. Ia juga harus menyediakan kemudahan untuk perbincangan kumpulan serta membolehkan bimbingan dijalankan di atas talian.

Pembelajaran secara horizontal dan vertical menggunakan pembelajaran maya telah mewujudkan satu landskap baru dalam sistem pendidikan negara. Di Malaysia, pertambahan bilangan Institut Pengajian Tinggi (IPT) menunjukkan terdapat permintaan terhadap pendidikan tinggi.

Justeru penggunaan e-learning dianggap berbaloi dan fleksibel, nota dan tutorial yang boleh didapati dari Internet serta perkuliahan secara on line. Penggunaan e-learning ini juga menjimatkan kos, masa dan tenaga pelajar universiti sama ada sepenuh atau separuh masa. Penerimaan e-learning bukan sahaja menukarkan modul tradisional, kos program dan bilik kuliah dalam versi atas talian, bahkan peng-

gunaan teknologi e-learning boleh menyumbang kepada persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel.

E-learning menerusi teknologi maklumat (IT) serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan tunjang utama dalam perancangan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) negara.

Umumnya, pembelajaran masa kini dilihat dari perspektif yang lebih luas yang mana penggunaan teknologi terutamanya Internet dalam pembelajaran yang semakin popular di pelbagai peringkat pendidikan sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi telah menjadi lebih dominan.

Perkembangan e-learning di Malaysia terarah kepada pembelajaran jarak jauh dan atas talian yang kebanyakannya ditawarkan di peringkat universiti serta kolej swasta yang mempunyai usahasama dengan universiti luar negara yang mana yuran yang dikenakan agak mahal dan tinggi.

Sejak tahun 1971, Universiti Sains Malaysia telah mengaplikasikan sistem e-learning di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PP-PJJ). Kebanyakan IPTA awam dan swasta pada masa kini telah menyediakan kemudahan rangkaian komputer dan Internet untuk menggalakkan persekitaran e-learning bagi kegunaan masyarakat kampus.

Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) merupakan universiti maya yang pertama di negara ini yang menawarkan pelbagai perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi e-learning.

Selain itu, Universiti Multimedia di Cyberjaya menggunakan rangkaian komputer dan multimedia untuk menyampaikan kuliah, penilaian dan

peperiksaan. Universiti lain juga sedang giat memper-tingkatkan kemudahan rangkaian e-learning bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, contohnya Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Bukan semua pelajar atau organisasi yang menikmati kelebihan e-learning Oleh itu, artikel ini juga akan membincangkan beberapa halangan yang dihadapi oleh para mahasiswa dalam penggunaan e-learning di beberapa universiti awam di Malaysia.

Halangan pembelajaran berkenaan didapati membawa kesan terhadap seseorang individu dalam pembelajarannya dan tahap kepuasannya. Terdapat empat halangan utama yang dihadapi oleh mahasiswa dalam penggunaan e-learning iaitu halangan situasi, halangan teknologikal, halangan institusi dan halangan personaliti.

Halangan situasi adalah dikaitkan dengan situasi atau persekitaran seseorang itu berada. Pemboleh ubah yang berkaitan dengan situasi adalah termasuk masa untuk belajar dan perubahan kehidupan seseorang. Halangan yang lain termasuk juga perasingan, kurang sokongan dan persekitaran pembelajaran yang tidak sesuai.

Halangan seperti kekurangan sosial membawa kepada perasaan terasing adalah selalu disebut kerana ini merupakan cabaran kepada pelajar untuk berurusan dengan lebih baik dalam pembelajaran atas talian.

E-learning adalah kurang berinteraksi semuka dan dikatakan adalah tidak mesra, mengecewakan dan kesunyian. E-learning memerlukan sokongan. Kekurangan sokongan

daripada orang lain selalu dikatakan merupakan satu halangan. Pengurusan sokongan untuk e-learning adalah faktor utama untuk menggalakkan e-learning. Pelajar bukan sahaja memerlukan sokongan tetapi juga memerlukan tempat untuk belajar tanpa gangguan. Ini menunjukkan persekitaran untuk pelajar boleh dikira sebagai halangan dalam proses pembelajaran.

Halangan seterusnya merupakan halangan teknologikal. Teknologi membawa kepada perubahan sama ada untuk bekerja, bermain dan dalam kehidupan seharian. Teknologi baharu mampu merevolusikan kerja, permindahan pembelajaran, mereka bentuk infrastruktur pekerjaan dan pembelajaran.

Teknologi mengakses komputer menjadi isu yang penting dalam latihan dan pendidikan. Halangan teknologikal adalah termasuk kepunyaan komputer yang mampu milik, mengakses Internet, konsisten untuk mengakses Internet, kos komputer dan kos pengaksesan Internet, masalah teknikal, pengaksesan kepada teknologi dan kebolehppercayaan teknologi. Halangan teknologikal yang lain termasuk kualiti teknologi, kekurangan bantuan teknikal, kekurangan kemahiran teknikal, keselesaan penggunaan teknologi, perubahan teknologi dan masalah 'log-in'.

Ketakutan terhadap teknologi adalah isu yang utama dalam halangan teknologikal, sebanyak satu per tiga daripada pelajar kolej di Amerika Syarikat didapati menghadapi penyakit yang dipanggil 'technophobia'.

Selain itu, halangan institusi mengambil kira dua aspek iaitu pengajar dan reka bentuk pengajaran.

Sokongan organisasi dan reka bentuk pengajaran merupakan faktor yang penting dalam e-learning. Halangan institusi berkenaan dengan kurang sokongan daripada pensyarah atau penyelia terhadap penggunaan e-learning dan kualiti bagi bahan pengajaran yang digunakan.

Halangan personel pula, berkenaan dengan tentangan untuk berubah dan motivasi terhadap penggunaan e-learning. Polisi institusi memainkan peranan yang sangat penting.

Sokongan kepada e-learning adalah sangat penting dalam polisi institusi, kemudahan untuk e-learning, sokongan emosi dan kewangan untuk e-learning Halangan mengenai pengajar juga merupakan aspek yang penting dalam halangan institusi.

Halangan mengenai pengajar meliputi pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku pengajar, pengaksesan kepada pengajar dan kejelasan arahan yang diberikan oleh pengajar. Komunikasi dan maklum balas termasuk kekerapan berhubung dengan pengajar, hubungan pengajar dan pelajar, kepuasan belajar adalah sangat penting.

Maklum balas yang lambat daripada pengajar akan menjadi halangan dalam e-learning. Halangan reka bentuk pengajaran berkaitan dengan kualiti bahan pembelajaran, halangan bahasa dan kebolehan untuk menggunakan media. Kandungan yang terlalu banyak, kandungan yang mengambil masa untuk mencetak dan informasi berlebihan akan menjadi halangan kepada e-learning.

Di samping itu, halangan personaliti memainkan peranan penting. Halangan ini merangkumi gaya pembelajaran yang berlainan,

kemahuan untuk berubah, motivasi, pengurusan masa, masalah kesihatan fizikal dan psikologikal. Pembelajaran sepatutnya mengambil kira keperluan dan minat pelajar itu sendiri.

Oleh itu, gaya pelajar mesti diambil kira semasa menerangkan program e-learning. Di kelas tradisional, pengajar perlu mengetahui bukan semua pelajar belajar menggunakan kaedah yang sama dan begitu juga e-learning. Halangan personaliti meliputi pengalaman asas dengan e-learning. Minat dan pengalaman pelajar menentukan keperluan dalam alam pembelajaran.

Kemahuan untuk berubah merupakan salah satu halangan personaliti. Keinginan untuk menerima perubahan dan inovasi merupakan halangan kepada pelajar dalam penggunaan e-learning.

E-learning memerlukan motivasi diri sendiri, dedikasi dan disiplin diri sendiri. E-learning biasanya berpandukan kepada diri sendiri menyebabkan kemahiran pengurusan masa adalah sangat penting. Kekurangan pengurusan masa merupakan halangan. Masalah kesihatan fizikal dan psikologikal merujuk kepada halangan personaliti.

Tekanan yang wujud daripada tanggungjawab lain di rumah dan sekolah akan menjadi halangan kepada e-learning. Isu kesihatan dan ketakutan juga menghalang e-learning. Halangan ini juga meliputi isu pendirian, sikap seseorang dan personaliti seseorang.

Kementerian Pendidikan Tinggi telah menggunakan slogan Soaring Upwards atau Peningkatan Bert-erusan sebagai usaha melonjakkan pendidikan tinggi dalam negara ke arah tahap lebih progresif dan

dinamik.

Hal ini bertepatan dengan pembelajaran e-learning yang menjadi prototaip yang semakin diminati. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu memainkan peranan dalam menangani halangan-halangan yang dihadapi agar penggunaan e-learning dapat mencapai tahap yang memuaskan.

Competitive edge semakin menjadi cabaran utama kepada semua IPT. Program yang ditawarkan perlu ada nilai tambah dan niche area masing-masing yang mana kelebihan dan kekuatan ini akan menjadi satu daya saing antara Institusi Pengajian Tinggi.

Justeru, pihak universiti perlu mengambil inisiatif untuk menyelesaikan halangan-halangan yang menjadi penghalang kepada para mahasiswa dalam penggunaan e-learning. Selain itu, pihak universiti juga perlu meningkatkan infrastruktur seperti rangkaian, kandungan tumpatan, insentif dan perundangan untuk membentuk persekitaran yang boleh menyediakan infrastruktur.

Secara kesimpulannya, rangkaian komputer di universiti perlu menyokong permintaan pengguna komputer yang bertambah dan juga penggunaan e-learning. Infrastruktur yang membolehkan universiti mengawal dan menyokong e-learning perlu disediakan.

Dalam pada itu, pelajar perlu mempraktikkan pembelajaran menggunakan e-learning dalam penyampaian pembelajaran supaya penggunaan e-learning yang berkesan dapat melahirkan pelajar yang mempunyai sifat sendiri yang tinggi secara tidak langsung dapat melahirkan pelajar yang lebih celik dalam teknologi dan membentuk pelajar yang bersifat holistik dari semua aspek.